

# FELDA lancar FWC FORMULAÉ

» Pelancaran awal produk kesihatan di Amerika

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**F**ELDA Wellness Corporation (FWC), syarikat sains hayat milik FELDA akan melancarkan produk kesihatan yang dibangunkannya, yang dikenali sebagai 'FWC FORMULAÉ' pada awal tahun depan dengan pelancaran awal di Amerika Syarikat (AS).

Produk yang dibangunkan dengan kerjasama syarikat AS, Neopeutics Inc itu, kemudiannya akan dilancarkan di pasaran Asia, Eropah dan Australia.

FWC FORMULAÉ, adalah barisan siri produk kesihatan pertama FWC berdasarkan platform teknologi canggihnya dan visi baharu untuk menawarkan kesihatan menyeluruh kepada pelanggannya. Barisan produk FWC FOR-



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin (tiga dari kiri) diiringi Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya (dua dari kiri) memotong riben prapelancaran FWC FORMULAÉ di Konsensyen Antarabangsa BIO 2014 di AS baru-baru ini.

MULAÉ dibangunkan hasil kerjasama unik antara FWC dan Neopeutics, didorong oleh keinginan untuk meneroka dan meningkatkan sifat terapeutik yang wujud dalam ubat-ubatan tradisional Malaysia.

## Penghormatan inovasi Malaysia

Pertongsian itu menggabungkan akses yang luas FWC dalam sumber budaya dan biodiversiti di Malaysia, dan platform

sistem biologi berasaskan penemuan ubat Neopeutics yang canggih.

"Ini satu penghormatan kepada keusahawanan dan inovasi Malaysia," kata Pengasas Bersama dan Pengarah Eksekutif Neopeutics, Dr. Izza Jahari.

"Kerjasama kami (FWC dan Neopeutics) bermaksud menambah nilai kepada aset sumber alam semula jadi," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan FWC di Kuala Lumpur semalam.

FWC memamerkan FWC FORMULAÉ kepada pelabur dan firma bioteknologi di Konsensyen Antarabangsa BIO 2014 yang diadakan di San Diego, California, AS baru-baru ini.

Kerja awal oleh Neopeutics menunjukkan beberapa ciri menarik dalam FWC FORMULAÉ, yang mempunyai potensi besar untuk pembangunan hidiran.